



ANWAR diiringi Dr Maimunah (dua dari kiri) melihat replika bandar raya Kuala Lumpur pada Majlis Peluncuran Warisan Kuala Lumpur: Sejarah Kita, Masa Depan Bersama di Menara DBKL.

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

PROJEK WARISAN IBU KOTA MALAYSIA MADANI

KL BAKAL BERJIWA BAHARU

Kuala Lumpur

Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Projek Warisan Ibu Kota Malaysia Madani yang diluncurkan semalam tidak meminggirkan rakyat, warisan dan nilai budaya.

Perdana Menteri berkata, walaupun projek Warisan KL: Wajah Baharu Kuala Lumpur membabitkan pembaharuan Kuala Lumpur dan mengangkat pembangunan negara moden namun ia harus menyasarkan kemudahan untuk 80 peratus untuk rakyat kebanyakan.

“Untuk menjadikan program ini segera, kita mahu memulakan suatu kerangka perancangan yang moden dan berteknologi baru tetapi berakar ke bumi dengan warisan dan budaya serta nilainya yang memberikan kemudahan kepada rakyat terbanyak.

“Warisan ini mesti memberi keselesaan kepada rakyat dengan dilengkapi warung, restoran, perumahan, tempat permainan kanak-kanak, kemudahan

perpustakaan, gedung sejarah yang boleh dikaji dan digali, maka perancangan perlu secara langsung dan tuntas kepada negara moden tetapi tidak boleh meminggirkan rakyat,” katanya pada majlis peluncuran projek itu di Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), semalam.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Menurutnya, aspek pembangunan tidak boleh hanya tertumpu kepada usa-

ha untuk menggalakkan penyertaan pelancong dan golongan elit semata-mata, sedangkan majoriti rakyat dipinggirkan.

“Saya mahu gedung kecil, dengan warung yang bersih, mematuhi syarat ketat, indah, dan memuliakan rakyat yang 70 hingga 80 peratus menggunakannya.

“Kita tidak menolak Kuala Lumpur ini menarik penyertaan pelancong dan juga rakyat, kita perlukan, tetapi dalam kita fikir pembangunan ini bererti 80 peratus rakyat di warung, gerai, restoran kecil ini perlu diberi perhatian tetapi saya lihat apa faedah langsung kepada rakyat,” katanya.

Selain itu, Anwar juga

berkata, beliau tidak mahu Kuala Lumpur hanya dikenali sebagai kota raya dengan identiti moden termasuk bangunan pencakar langit dan berteknologi tinggi, sebaliknya perlu turut mempertahankan sejarah, budaya serta warisan negara.

Katanya, dia mahu inisiatif untuk membugar semula Kuala Lumpur dengan menekankan aspek identiti warisan dan kepelbagaian Malaysia, sekali gus memaparkan keunikan bandar raya ini.

“Satu kota itu harus hidup segar dengan fizikal yang menarik dan menawan, sesuai dengan perkembangan teknologi, te-

LOKASI WARISAN KL

Warisan KL meliputi kawasan seluas kira-kira 20 kilometer persegi, tertumpu di Pusat Bandar Kuala Lumpur sahaja dan terbahagi kepada dua zon utama:

■ Zon Teras (Core Zone)

Seluas 1.08 kilometer persegi, terletak di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak serta berdekatan rangkaian pengangkutan awam utama. Zon ini merangkumi lima presint penting iaitu:

1. Presint Beli-belah Tradisional
2. Presint Pendidikan
3. Presint Warisan
4. Presint Sivik
5. Presint Pelancongan dan Kreatif

■ Zon Penampakan (Buffer Zone)

Seluas 8.96 kilometer persegi pula mengelilingi zon teras dan merangkumi mercu tanda ikonik

yang menjadi titik rujukan penting dan pemangkin aktiviti bandar seperti seperti:

1. Timur Laut: Bukit Nanas, Bukit Ceylon
2. Barat Laut: Tugu Negara, Bank Negara
3. Barat Daya: Muzium Negara, Taman Perdana, KL Sentral, Bukit Aman
4. Tenggara: Stadium Negara, Kampung Attap dan kawasan sekitar

Zon ini dirangka bagi memperkukuh hubungan fizikal, sejarah dan fungsi antara pusat warisan dan kawasan sekitarnya.

10 PROJEK ANDALAN WARISAN KL

Sebanyak 10 projek perintis telah dikenal pasti sebagai pemacu utama dalam merealisasikan matlamat Warisan KL. Projek-projek ini merangkumi pemuliharaan bangunan warisan, penambahbaikan dan pengaktifan semula ruang awam, penggalakan ekonomi tempatan serta pelaksanaan inisiatif hijau dan inklusif.

1 Dataran Merdeka

Projek ini menumpukan kepada pemuliharaan bangunan-bangunan ikonik seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Muzium Tekstil. Kawasan ini akan dihidupkan semula sebagai ruang komuniti terbuka dan medan wacana sejarah kebangsaan.

2 Carcosa Seri Negara

Carcosa Seri Negara akan diubah suai sebagai ruang kebudayaan yang menghargai nilai sejarah dan alam sekitar. Ia bakal menjadi lokasi santai dan interaktif dalam suasana kehijauan Taman Tugu.

3 Merdeka 118

Merdeka 118 akan dijadikan mercu tanda yang bukan sekadar ikonik, tetapi bersifat inklusif. Kawasan sekitarnya akan diaktifkan melalui program seni, sukan dan sosial untuk mendekatkannya dengan masyarakat.

4 Enklaf Masjid Jamek

Tertletak di titik permulaan kota, kawasan ini kaya dengan nilai sejarah dan simbolik. Projek ini akan memperbaharui fungsi kawasan tersebut sebagai gerbang budaya dan ruang awam yang inklusif.

5 Kuadran Perdagangan

Kuadran Perdagangan menyasarkan pemuliharaan rumah kedai lama di kawasan bersejarah seperti Jalan Tun HS Lee dan Jalan Hang Lekiu. Suntikan elemen seni dan ekonomi

tempatan akan menghidupkan semula kawasan ini.

6 Memorial Tun Abdul Razak

Memorial ini akan diperkasa sebagai pusat pendidikan sejarah dan kenegaraan. Ia menjadi platform untuk menghayati kepimpinan dan legasi Tun Abdul Razak kepada generasi baharu.

7 Pengisian dan Program

Pengisian kandungan melalui program seni, budaya dan komuniti akan memberi nafas baharu kepada ruang bandar. Ia akan merapatkan hubungan antara rakyat dengan persekitaran kota.

8 Rangkaian Penghubung Hijau

Projek ini akan menghubungkan tapak-tapak warisan melalui laluan pejalan kaki yang selesa dan berlandskap hijau. Ia menyokong gaya hidup sihat dan memudahkan akses antara presint.

9 Stesen Keretapi Kuala Lumpur

Stesen bersejarah ini akan dinaik taraf sebagai hab bersepadu yang mengekalkan nilai warisan. Ia menggabungkan fungsi pengangkutan, perdagangan dan hospitaliti dalam satu destinasi strategik.

10 Presint Fesyen dan Tekstil

Presint ini akan menyerlahkan KL sebagai pusat tekstil dan fesyen tempatan. Jalan Tuanku Abdul Rahman akan dipulihkan dengan identiti seni kraf dan kebudayaan yang kuat.

INFOGRAFIK | Metro

tapi ia juga harus mengakar kepada tradisi dan budaya.

“Memang kita tidak akan maju kalau kita tidak menggapai langit, teknologi baharu digital, kecerdasan buatan (AI), bicara mengenai transisi tenaga harus dan wajib kita segerakan tetapi menggapai langit itu harus mengakar

ke bumi, ertinya faham sejarah, budaya dan nilai akhlak,” katanya.

Warisan Kuala Lumpur (KL) adalah inisiatif strategik untuk mentransformasikan kawasan bersejarah yang tertumpu di Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai zon budaya dan kreatif.